

UniMAP Tandatangani MOU dengan QS APPLE dan QS MAPPLE

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mengorak langkah dengan lebih jauh dengan menandatangani Memorandum Persefahaman dengan QS iaitu sebuah badan penilai luar bagi ranking universiti secara global. Majlis tersebut diadakan bersempena pameran dan persidangan QS Apple 2013 di Seoul, Korea Selatan. Dengan termeterainya perjanjian ini UniMAP dan QS APLLE bersetuju menjadi rakan kerjasama untuk penganjuran Persidangan 12th QS APPLE 2016 di China, Persidangan 7th QS MAPPLE 2017 di Arab Saudi. Selain itu pada 2014 UniMAP bakal menjadi hos QS Conversation bersempena Persidangan ASS di Malaysia. Dokumen telah ditandatangani oleh Naib Canselor UniMAP Brig. Jen Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin dan Pengurus QS Peringkat Asia iaitu Mandy Mok.

Di kesempatan itu juga, UniMAP turut menandatangani MoU dengan Rangsit University, Thailand bagi kerjasama program Passage to ASEAN (P2A) dan juga University of Shanghai University, China sebagai hos bersama bagi persidangan QS Apple 2016. Rangsit University diwakili oleh Pengarah Antarabangsanya iaitu Jefferson Wendall manakala Shanghai University diwakil oleh Tony Khoo, Dekan Program MBA.

